

**AKTIVIS MUDA**

Berikut adalah siri baru yang memaparkan profil aktivis muda dalam masyarakat Melayu/Islam Singapura. Dalam laporan pertama siri mingguan ini, wartawan **NAZRY MOKHTAR** ([nazry@sph.com.sg](mailto:nazry@sph.com.sg)) menemu ramah Cik Nadia Yeo, seorang peguam yang aktif dalam pelbagai kerja kemasyarakatan.

# Peguam, isteri dan aktivis

JADUAL mingguan Cik Nadia Yeo yang padat boleh membuat sesetengah orang naik lelah.

Malah, tiada istilah penat dalam kamus kehidupan wanita periang berusia 30 tahun ini.

Selain memikul tugas mencabar sebagai peguam korporat, beliau juga aktif menyumbang tenaga sukarela di beberapa badan kemasyarakatan setempat.

Ini ditambah pula dengan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu kepada seorang bayi berusia tiga bulan.

“Saya melakukan ini semua kerana mahu menyumbang dan membuat perbezaan dalam kehidupan orang lain. Sebenarnya ini tidak mustahil dilakukan. Sekiranya kita bijak membahagikan masa, apa-apa hasrat pun boleh tercapai,” jelas Cik Nadia.

Jelas, hasrat mendatangkan perbezaan ke dalam kehidupan orang lain bukanlah hangat-hangat tahi ayam.

Sebaliknya, ia telah lama membawa di tangkai hati sehingga akhirnya mendorong beliau menjadi peguam.

Malah, moto tersebut tertera sebagai status profil di skrin khidmat pesanan WhatsApp beliau sebagai peringatan kepada prinsip dan nilai-nilai hidup.

Cik Nadia ditemui *Berita Minggu* bagi siri *Aktivis Muda* di kampus Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew di Bukit Timah baru-baru ini.

Lulusan Fakulti Undang-Undang Universiti Nasional Singapura (NUS) itu kini melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana.

Sejajar dengan naluri beliau yang tidak kenal lelah, pengajian itu diambil secara berganda – Sarjana dalam Dasar Awam daripada Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew dan Sarjana Undang-Undang daripada NUS.

Pengajian sepenuh masa selama dua tahun itu hasil tajaan biasiswa daripada sekolah berkenaan dan Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM), berkata:

Antara sumbangan masyarakatnya termasuklah sebagai setiausaha Persatuan Pemudi Islam Singapura (PPIS).

Di samping itu, bekas penuntut Sekolah Perempuan Raffles (RGS) dan Maktab Rendah Meridien itu juga aktif sebagai anggota eksko di Kelab Mendaki dan LBKM.

Kerja kemasyarakatan pula tidak terbatas kepada badan Melayu/Islam sahaja.

Di peringkat kebangsaan, beliau telah lama berkhidmat sebagai pemimpin akar umbi dan baru-baru ini dianugerahkan pingat khidmat setia oleh Persatuan Rakyat atas penglibatannya selama 10 tahun sebagai anggota Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat Kampong Ubi (CCMC).

Sebagai peguam, Cik Nadia juga menawarkan khidmat probono atau membela orang tertuduh secara sukarela bagi kes-kes jenayah di bawah Skim Bantuan Guaman Jenayah (CLAS).

Beliau juga menjadi mentor kepada pelajar Institut Pendidikan Teknikal (ITE) di bawah program mentor kelolaan Kedutaan Amerika Syarikat dan ITE.

Senarai tugasan lain termasuklah sebagai tenaga pengajar sambilan bagi lulusan guaman yang mengambil peperiksaan pentaulahan dan juga mentor kepada peguam muda.

Beliau juga pensyarah sambilan Undang-Undang Seni di Maktab Seni Lasalle.

Dengan senarai tanggungjawab yang berjela itu, tidak hairanlah jika jadual hujung minggu beliau sarat dengan pelbagai mesyuarat dan aktiviti lain.

Ditanya bagaimana beliau mendapat tenaga memikul tanggungjawab yang rencam dan mencair itu, Cik Nadia, yang bertugas sebagai Kaunsel Guaman di Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi di Singapura (PDPC), berkata:

“Memang sukar mencari masa bersama. Namun kami mencari pe-



**CIK NADIA YEO:** Tidak menganggap kerja kemasyarakatan sebagai satu beban malah berasa seronok dapat menghiburkan hati orang yang memerlukan. – Foto NAZRY MOKHTAR

kemasyarakatan sebagai satu beban. Malah saya rasa seronok. Saya seronok dapat hiburkan hati orang yang memerlukan sumbangan melaui usaha saya.”

Mujurlah suaminya, Encik Abdul Hakim Hamid, seorang jurutera reka bentuk berusia 30 tahun, memahami isi hatinya.

Malah si suami sendiri aktif dalam kerja kemasyarakatan dan menyumbang tenaga sebagai anggota eksko Kelab Mendaki.

“Saya tidak menganggap kerja

luang meluangkan masa bersama melalui kerja kemasyarakatan kami. Alhamdulillah saya rasa bersyukur atas sokongan keluarga saya,” kata Cik Nadia, anak sulung keluarga empat beradik.

Bapanya seorang Cina yang dilahirkan sebagai seorang Muslim, semestara ibunya seorang Cina yang memeluk Islam.

Hasil sumbangan cemerlang dalam kerja kemasyarakatan, Cik Nadia pernah terpilih menjalani program Karyawan Felo kendalian Jabatan Negara Amerika Syarikat Barack Obama.

Menceritakan penglibatan awal dalam kerja sukarela, Cik Nadia, anak seorang jurutera sivil dan ek-

“Saya yakin tentang masa depan masyarakat kita. Daripada pengalaman saya berinteraksi dengan golongan muda, saya dapat lihat kesungguhan mereka mahu menyumbang kepada masyarakat. Mereka juga berbakat dan disajikan dengan pelbagai peluang. Cabaran bagi kita ialah bagaimana memanfaatkan bakat-bakat ini demi kebaikan dan kemajuan masyarakat kita.”

– Cik Nadia Yeo mengenai harapannya bagi masyarakat Melayu/Islam.

**BIODATA**

**Nama:** Nadia Yeo  
**Umur:** 30 tahun  
**Kerjaya:** Peguam dan kini mengambil pengajian peringkat Sarjana sepenuh masa.  
**Kerja kemasyarakatan:** Antara lain, Setiausaha Persatuan Pemudi Islam Singapura (PPIS) dan anggota eksko di Kelab Mendaki dan Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM).  
**Status:** Sudah berumah tangga dan mempunyai seorang anak.

sekutif pemasaran, berkata naluri mahu menyumbang khidmat kepada orang lain datang secara semula jadi.

Semasa di bangku sekolah, beliau terpilih menjadi pengawas atau ketua pelajar dari peringkat darjah rendah hingga ke maktab rendah.

“Saya menganggap nenek saya sebagai sumber inspirasi. Beliaulah yang sering nasihatkan saya. Kata-naya sering beruntung kerana keluarga saya sering beri sokongan. Beliau menggalakkan saya supaya menggunakan kelebihan yang ada menyumbang balik kepada masyarakat,” katanya.

Di sebalik kesibukannya, Cik Nadia tetap mengutamakan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu.

Dalam masa lapangnya, beliau gemar memasak sajian antarabangsa yang jarang diperolehi di sini untuk santapan seisi keluarga.

“Saya suka masak untuk keluarga pada hujung minggu. Ia juga cara menenangkan fikiran dan bersantai dengan keluarga. Inilah masa paling berharga bagi saya,” katanya.

Ditanya harapannya bagi masyarakat Melayu/Islam, Cik Nadia berkata bahawa melihat pada kesungguhan golongan muda, beliau yakin tentang masa depan masyarakat kita.